

MCA Perlu Nilai Semula Keputusan Tidak Bertanding Di PRK Bukit Gelugor - Penganalisis Politik

Bernama

May 11, 2014

Oleh Soon Li Wei

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- MCA perlu menilai semula keputusannya untuk tidak bertanding pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Bukit Gelugor pada 25 Mei ini berikutan ketetapan parti itu yang mahu memberi tumpuan kepada krisis perlembagaan yang dicituskan PAS.

Penganalisis politik, Prof Datuk Dr Zainal Kling berkata penilaian itu perlu dibuat kerana jika MCA bertanding di kawasan yang mana mempunyai majoriti pengundi Cina ramai, maka dasar menolak hukum hudud yang dibangkitkan oleh mereka akan menjadi lebih kukuh.

Katanya MCA menolak hukum hudud yang dibangkitkan oleh PAS daripada dilaksanakan di negara ini atas dasar untuk melindungi kaum bukan Islam di negara ini dan mendapat sokongan daripada masyarakat Cina terhadap parti itu.

"Sekiranya mereka hanya menumpukan perhatian pada hukum hudud dan tidak bertanding di (PRK) Bukit Gelugor, maka sokongan kaum Cina mungkin akan berkurangan kerana mereka telah melepaskan peluang untuk memperoleh lebih banyak sokongan di kawasan itu yang majoritinya merupakan pengundi Cina," katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

Katanya MCA dapat mengambil kesempatan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat Cina tentang hukum hudud melalui PRK.

"Dengan itu, matlamat mereka untuk menolak hudud mungkin akan tercapai," katanya.

Zainal berkata sekiranya Barisan Nasional (BN) ingin menentukan calon untuk bertanding di kawasan itu, maka calon muda patut diambil kira.

"Hal ini kerana majoriti pengundi pada masa sekarang merupakan pengundi muda, mereka biasanya akan memilih calon yang mempunyai pemikiran yang sama dengan mereka, yang pandai berhujah dan pada masa yang sama dapat berkhidmat kepada mereka.

Sementara itu, penganalisis politik Profesor Dr Oh Ei Sun berkata MCA memang perlu memberi fokus kepada isu hudud.

Tindakan itu boleh menjadi peluang terakhir mereka untuk mendapat sokongan daripada kaum bukan Melayu terutamanya Cina kerana kebanyakannya menolak hukum itu dilaksanakan di negara ini," katanya yang juga Felo Kanan S.Rajaratnam School of

International Studies Nanyang Technological University, Singapura.

Bagaimanapun, beliau berkata MCA membuat satu keputusan bijak untuk tidak bertanding di Bukit Gelugor bagi mempertahankan pendirian mereka untuk menolak hukum hudud.

Katanya, keputusan ini bakal menjimatkan masa, tenaga dan sumber kewangan terhadap PRK itu kerana kawasan itu merupakan kubu kuat parti DAP.

Semalam, Setiausaha Agung MCA Datuk Seri Ong Ka Chuan mengumumkan keputusan parti itu untuk tidak bertanding di Bukit Gelugor bagi menumpukan perhatian kepada pelaksanaan hukum Hudud yang dibangkitkan oleh Pas baru-baru ini.

Keputusan itu dibuat selepas Mesyuarat Tergempar Majlis Presiden yang diadakan di Ipoh, Perak semalam.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1037398>